



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 4 APRIL 2025





LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	NORAINI SANTUNI MANGSA INSIDEN KEBAKARAN PAIP GAS		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/04/03/noraini-santuni-mangsa-insiden-kebakaran-paip-gas/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	DIGITAL SYSTEM WILL START SOON		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/03/digital-system-will-start-soon	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KANAK-KANAK ALAMI MASALAH KESIHATAN MENTAL MENINGKAT DUA KALI GANDA		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/sihat/2025/04/1379955/kanak-kanak-alami-masalah-kesihatan-mental-meningkat-dua-kali-ganda	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	LEBIH 1,200 MANGSA TELAH BERDAFTAR DENGAN JKM		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-1-200-mangsa-telah-berdaftar-dengan-jkm	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	85 RUMAH SELAMAT DIDUDUKI, 87 RUMAH MUSNAH - AMIRUDIN		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203804/85-rumah-selamat-diduduki-87-rumah-musnah-amirudin	HMETRO.COM.MY	
	https://theedgemalaysia.com/node/750188	THEEDGEMALAYSIA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LETUPAN PAIP GAS PUTRA HEIGHTS: BANTUAN KEWANGAN DISALURKAN ISNIN DEPAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203822/letupan-paip-gas-putra-heights-bantuan-kewangan-disalurkan-isnin-depan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1380072/bantuan-awal-rm2500-rm5000-akan-mula-disalurkan-mulai-isnin-depan	BHARIAN.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/news.php?id=2408824	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720915/edisi/selangor-kl/video-kebakaran-saluran-gas-1254-mangsa-terjejas-terima-bantuan-kewangan-bermula-isnin	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/04/03/kebakaran-paip-gas-bantuan-rm5000-akan-disalurkan-mulai-isnin-ini/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kebakaran-gas-putra-heights-bantuan-awal-untuk-rumah-terjejas-disalurkan-mulai-isnin-mb-515066	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2408835	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/03/selangor-mb-putra-heights-fire-victims-to-receive-financial-aid-starting-monday/171800	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/03/putra-heights-inferno-rm5000-rm2500-to-be-channeled-from-monday-says-mb	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KANAK-KANAK 12 TAHUN CEDERA DIRAGUT DI PUTRAJAYA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-12-tahun-cedera-diragut-di-putrajaya/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/04/03/berlakon-minta-air-sebelum-ragut-rantai-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2408855	BERNAMA.COM	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.youtube.com/watch?v=dPQiYiq2-bk	YOUTUBE	
	https://malaysiagazette.com/2025/04/03/kanak-kanak-12-tahun-cedera-diragut-di-apartmen-presint-11/	MALYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720909/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-cedera-diragut	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203818/budak-12-tahun-cedera-diragut	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Noraini Santuni Mangsa Insiden Kebakaran Paip Gas

3 April 2025

Berita Utama

SUBANG JAYA, 3 April – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad melawat dan menyantuni mangsa insiden kebakaran paip gas yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights di sini pada pagi Rabu.

Menurut Ketua Wanita UMNO Malaysia itu, sehingga tengah hari pada hari itu, seramai 489 orang mangsa daripada 109 buah keluarga telah ditempatkan di PPS ini.



Dr. Noraini turut mendengar sendiri pengalaman yang dilalui oleh para mangsa dalam insiden semalam.

"Alhamdulillah, tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Walaupun terdapat beberapa mangsa yang cedera, semuanya berada dalam keadaan selamat.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain sedang bertungkus-lumus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua mangsa yang berlindung di sini," kata Dr Noraini yang juga Ahli Parlimen Parit Sulong dalam satu kenyataan kepada UMNO-Online.



Seterusnya, beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, pihak pengurusan masjid, rakan-rakan strategik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta para sukarelawan yang telah bersama-sama membantu menyelaras dan menguruskan keperluan para mangsa insiden ini.

Tambah Dr Noraini lagi, Wanita UMNO Malaysia juga melalui Kelab Skwad Sayang 3K akan mula mengumpulkan barangan sumbangan seperti pakaian dan barangan keperluan wanita untuk diserahkan kepada mangsa-mangsa di PPS itu nanti.

"Terima kasih juga kepada rakyat Malaysia yang prihatin dan sentiasa menunjukkan semangat solidariti dalam menghadapi ujian ini. Alhamdulillah," katanya. – UMNO ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Digital system will start soon

By FAZLEENA AZIZ

NATION

Thursday, 03 Apr 2025

PETALING JAYA: A digital system will start soon to allow victims of sexual harassment submit their complaints online without having to be present at the Tribunal for Anti-Sexual Harassment (TAGS).

"They will be able to file their complaints, statements of defence and all relevant documents online rather than physically filing them at the TAGS' counter in Putrajaya.

"We are in the process of setting up an e-filing system for TAGS. It will be launched soon," the Women, Family and Community Development Ministry told The Star.

TAGS, which comes under the ministry, was established in March last year under Section 3 of the Anti-Sexual Harassment Act.

It provides an alternative channel to the civil courts so that sexual harassment complaints could be handled speedily in a simple manner.

In July last year, TAGS issued its first ruling concerning a complaint about a male employer harassing a female staff member.

Between March last year and Feb 15 this year, a total of 33 sexual harassment complaints have been registered at TAGS.

Out of this number, 18 cases were disposed of within 60 days from the first day of hearing.

Most of the cases were from the Klang Valley.

According to the ministry, all TAGS hearings are held behind closed doors to help victims provide their best evidence and spare them the embarrassment.

The ministry also pointed out that it would look into possible areas to improve the Anti-Sexual Harassment Act.

It would need to consider key elements such as identifying gaps and issues, besides seeking feedback from relevant parties.

The main focus of the Act is to advocate the public on prevention and awareness of sexual harassment and not solely focus on the punishment itself, it said.

Last year, the ministry conducted seven advocacy programmes at higher education institutions with more than 3,000 students participating in them.

"We believe it is crucial to educate the community so that sexual harassment is not normalised," it said.

"Collaboration with key stakeholders helps ensure all advocacy programmes address the real needs and concerns of the communities we serve."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 1,200 mangsa telah berdaftar dengan JKM

Nasional - Dicipta: 03 April 2025 06:50 PM



SHAH ALAM, 3 April— Seramai 1,254 mangsa daripada 308 keluarga dikenal pasti dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan, dua mangsa kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) masing-masing di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Ampang akibat terhidu asap.

"Sementara 630 orang lagi ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara (PPS) di Putra Heights manakala baki 624 mangsa lagi tidak berada di PPS sebaliknya menumpang di rumah saudara atau rakan-rakan terdekat.

"Kerosakan dilaporkan kritikal dengan 87 rumah mengalami kemusnahan sepenuhnya dan tidak boleh didiami, manakala 148 lagi memerlukan pembaikan segera," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini.

Dalam pada itu Kerajaan Negeri menjanjikan tindakan pantas, termasuk bantuan utiliti bagi 85 rumah di Taman Harmoni yang dibenarkan pulang malam ini.

Bagi mangsa di Kampung Kuala Sungai Baru, penyelesaian jangka panjang sedang dirangka dengan tawaran bantuan daripada syarikat korporat dan badan bukan kerajaan (NGO).

Dalam pada itu beliau menasihatkan mana-mana pihak yang ingin memberikan sumbangan di PPS supaya tidak menjadikan lokasi berkenaan sebagai tempat meletakkan barangan.

Perkara itu dikhuatiri akan menyebabkan berlakunya longgokan melampau di PPS.

"Kita juga bermula hari ini akan mengenakan langkah kawalan terhadap beberapa lokaliti terutamanya di PPS kerana kita dapati terdapat kesesakan yang agak melampau dalam kalangan pelawat.

"Pihak JKM akan melakukan kawalan tersebut dengan menyediakan tempat pertemuan demi menjaga keselamatan, kesihatan dan privasi kepada mangsa, tempat itu akan dihadkan kepada individu tertentu saja untuk melawat dan sebagainya," katanya lagi.

Sementara itu menurut Amirudin pihaknya juga akan mengadakan sidang media harian secara berselang-seli antara beliau dan Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan bagi menjawab isu berkaitan dasar, teknikal dan jenayah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JUMLAH KANAK-KANAK ALAMI MASALAH KESIHATAN MENTAL NAIK DUA KALI GANDA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 APR 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Jumlah kanak-kanak alami masalah kesihatan mental naik dua kali ganda

Kuala Lumpur: Seorang daripada enam kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental dan beban masalah itu dalam kalangan mereka, kini meningkat dua kali ganda sejak 2019.

Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023: Penyakit Tidak Berjangkit dan Permintaan Jagaan Kesihatan, beban masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dari kawasan bandar adalah lebih tinggi berbanding mereka berada di luar bandar.

Laporan Institut Kesihatan Umum itu, diterbitkan pada 2024, mendedahkan 46 peratus kanak-kanak mempunyai masalah dengan rakan sebaya, 25 peratus mempunyai masalah tingkah laku, 17 peratus mempunyai masalah emosi dan 14 peratus mempunyai masalah hiperaktif, manakala lebih ramai kanak-kanak perempuan mengalami masalah kesihatan mental berbanding lelaki.

Kajian itu membabitkan 2,400 kanak-kanak berusia lingkungan lima hingga 15 tahun dan

maklumat dikumpul daripada ibu bapa atau penjaga responden.

Pensyarah Kanan merangkap Ahli Psikologi Klinikal Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Hilwa Abdullah, berkata impak pandemik COVID-19 yang memaksa masyarakat 'berkurung' di rumah memberi kesan kepada masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak ketika ini.

Beliau berkata, kanak-kanak adalah golongan mudah terjejas dari segi emosi, terutama apabila berdepan perubahan gaya hidup kerana mereka masih muda dan mempunyai batasan dalam aspek mengawal emosi serta tekanan.

"Imbas kembali ketika pandemik, kita mengalami perubahan gaya hidup yang drastik, iaitu batasan pergerakan serta aktiviti perlu dilakukan secara dalam talian, termasuk sesi pembelajaran dan kanak-kanak ini perlu mengahadapi cabaran dunia maya.

"Batasan itu menyebabkan mereka tidak boleh meluahkan emosi sehingga menyebabkan

kemurungan yang cenderung mencederakan diri sendiri. Fitrah kanak-kanak suka bermain dan melakukan aktiviti fizikal di luar, tetapi apabila mereka terpaksa duduk di dalam rumah, sebagai contoh, main permainan dalam talian dan media sosial, ini antara faktor golongan ini semakin rapuh dari segi emosi dan mereka juga tidak tahan lasak," katanya.

Hilwa berkata, pengaruh media sosial juga memberikan impak besar dan tekanan kepada kanak-kanak antaranya mereka akan cenderung membuat perbandingan sosial, fenomena FOMO (perasaan takut apabila ketinggalan daripada perkembangan semasa) serta obsesif atau penatalan kompulsif.

Guna gajet berlebihan

Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Intan Farahana Abdul Rani, berkata antara punca masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak

ialah penggunaan gajet secara berlebihan.

Beliau berkata, ini mengakibatkan mereka kurang berinteraksi secara sosial dan fizikal manakala faktor lain termasuk persekitaran pendidikan yang kompetitif dengan jangkaan penjaga terlalu tinggi, terutama apabila kanak-kanak tidak dibenarkan bermain atau berehat.

"Persekitaran keluarga yang tidak stabil termasuk konflik antara ibu bapa, perceraian atau pengabaian emosi dan trauma awal kanak-kanak kerana menghadapi kes penderaan atau kemalangan juga antara faktor masalah kesihatan mental.

"Faktor ini jika tidak ditangani dengan baik boleh mempengaruhi emosi dan tingkah laku kanak-kanak dalam jangka panjang," katanya.

Saringan bagi aspek perkembangan emosi itu boleh dilaksanakan melalui Pusat Data Kanak-Kanak Kebangsaan dari NCDRC, UPSI mengumpulkan data golongan berkenaan serta diisi oleh pendidik membabitkan kanak-kanak di bawah usia empat tahun.

BERNAMA

“Batasan itu menyebabkan mereka tidak boleh meluahkan emosi sehingga menyebabkan kemurungan yang cenderung mencederakan diri sendiri”

Hilwa Abdullah,
Pensyarah Kanan
Fakulti Sains
Sosial dan
Kemanusiaan,
UKM



“Faktor ini jika tidak ditangani dengan baik boleh mempengaruhi emosi dan tingkah laku kanak-kanak dalam jangka panjang”

Intan Farahana
Abdul Rani,
Timbalan Pengarah
(Penyelidikan dan
Inovasi) NCDRC,
UPSI



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 85 RUMAH DISAHKAN SELAMAT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 APR 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Letupan paip gas di Putra Heights

85 rumah disahkan selamat

Penghuni dibenar pulang, bantuan awal diumumkan PM disalur Isnin depan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Shah Alam: Lapan puluh lima rumah terabit dalam kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya, disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing mulai malam kelmarin.

Perkembangan itu diumumkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada sidang media semalam, selain berkait bantuan awal diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, masing-masing RM2,500 dan RM5,000 untuk mangsa terkesan letupan, akan mula disalurkan Isnin depan.

Menurutnya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta penyedia utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad

(TNB) mengesahkan status 85 unit kediaman itu membabitkan kawasan di Taman Harmoni dan bekalan air serta elektrik juga sudah disambungkan ke rumah terabit.

"Pihak Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah akan memaklumkan kepada setiap pemilik ini dan mereka diberi peluang untuk pulang ke kediaman masing-masing mulai hari ini (semalam).

"Dari semasa ke semasa, kita akan lihat balik kerana setakat ini, ada lebih kurang 115 rumah dianggap atau diisytihar selamat oleh JBPM," katanya pada sidang media di Bangunan Seti-

usaha Kerajaan Negeri (SUK), di sini.

Mengenai bantuan awal RM2,500 dan RM5,000 untuk mangsa, Amirudin berkata, ketika ini data penduduk terjejas sedang dilengkapkan untuk memulakan proses penyampaian bantuan.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri akan mengambil tanggungjawab memurnikan data jumlah penduduk yang benar-benar terkesan dengan insiden kebakaran ini supaya tidak timbul sebarang isu mengambil kesempatan.

"Ia termasuk isu (mangsa)

tertinggal atau terlepas menerima sokongan dan bantuan yang ditetapkan, khususnya untuk (mangsa yang tinggal) di Taman Harmoni dan juga Kampung Kuala Sungai Baru.

"Untuk itu, kita akan memurnikan data terabit dengan dikuatkuai unit bencana daerah atau pegawai daerah selaku ketua unit bencana daerah dan bekerjasama dengan JKJ, ICU (Unit Penyelidikan Pelaksanaan), PETRONAS dan sebagainya," katanya.

87 rumah tak boleh didiami

Mengenai kediaman rosak keseluruhan atau total lost akibat letupan paip gas, Amirudin mengesahkan ia membabitkan 87 unit yang tidak boleh didiami lagi, manakala 148 rumah mengalami kerosakan tetapi boleh didiami semula selepas pembaikan.

Shingga urusan baik pulih selesai, katanya, mangsa terjejas perlu menghuni pusat pemindahan sementara (PPS) dan kemudian dipindahkan ke penempatan lebih selesa sebelum boleh pulang ke kediaman asal mereka.

"Akan dilaksanakan perbin-

"Dari semasa ke semasa, kita akan lihat balik kerana setakat ini, ada lebih kurang 115 rumah dianggap atau diisytihar selamat oleh JBPM"

Amirudin Shari,
Menteri Besar
Selangor



cangan dari semasa ke semasa. Anggaran dibuat perdana menteri, mungkin proses sebaiknya akan ambil masa lebih enam bulan, semua bergantung sebagaimana pantas kita dapat selesaikan siasatan," katanya.

Sementara itu, beliau menjelaskan, 1,254 mangsa daripada 308 keluarga telah dikenal pasti dan berdaftar dengan JKJ dengan dua sedang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU), masing-masing di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Ampang akibat masalah respiratori.

Selain itu, 630 mangsa daripada 157 keluarga menghuni dua PPS, iaitu Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia, manakala baki 624 mangsa membabitkan 151 keluarga tidak berpindah ke PPS.

Hasil siasatan diumumkan mulai hari ini

Shah Alam: Hasil dapatan siasatan kebakaran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya Selasa lalu akan mula diumumkan hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata laporan awal akan diumumkan pada sidang media oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan.

"Setiap hari akan ada sidang media, satu membabitkan dasar, keputusan keseluruhan dan satu yang membabitkan aspek siasatan, sama ada jenayah, kecaian atau aspek teknikal yang akan dibentangkan oleh jabatan terabit," katanya semalam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	VOLUNTEERS RALLY BEHIND PUTRA HEIGHTS BLAST VICTIMS		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	4 APR 2025	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

TEMPORARY RELIEF CENTRES

VOLUNTEERS RALLY BEHIND PUTRA HEIGHTS BLAST VICTIMS

It's heartwarming to see people coming together in times of need, says housewife

SUBANG JAYA

MALAYSIANS often show a tremendous spirit of community and volunteerism whenever a tragedy hits and the gas pipe explosion in Putra Heights is no exception.

With people displaced by the incident being sheltered at two temporary relief centres, many volunteers have come forward to lend a hand.

Letchumey Gantam, 48, a housewife from Putra Heights, is among those helping the affected families.

"We saw how bad the fire was and just wanted to help. In addition to distributing food and drinks, we also organise daily

dance classes here," she said.

She recalled speaking to a family whose home was just 200m from the blast site.

"They were away for Raya celebrations. It's a blessing they weren't home. I was 5km away and could still feel the heat. It was like standing next to an oven."

Despite the tragedy, she was moved by the strong sense of community.

"It's heartwarming to see people coming together, no matter their race or religion. The only thing that truly matters now is for humanity to support one another in times of need," she said.

Letchumey is one of many volunteers helping out at the relief centre at Subang Jaya City Council's Dewan Camelia.

At the time of writing, 21 families are sheltering at Dewan Camelia and there is no telling how long they will remain there.

City councillor for Zone 7, Muhammad Tarmizi Lazim, said most residents there were from Kampung Kuala Sungai Baru.



Putra Heights gas pipeline explosion victims going through the boxes of clothing that have been donated by the public at the temporary relief centre at the Putra Heights Mosque yesterday. BERNAMA PIC

"This centre was opened after the one at the Putra Heights Mosque became full. Some families who were discharged from hospital came straight here this morning (yesterday). More may arrive later after completing their hospital procedures."

Tarmizi said food and drink supplies were more than sufficient, with non-governmental organisations and health workers assisting those in need.

"We also have a medical centre to care for children and elderly individuals with health conditions like diabetes," he said.

Zaeimah Abdul Rahman, 53, a housewife who arrived at the cen-

tre on Wednesday with her husband and two children, was in shock when she heard about the explosion.

"I don't know how to describe my feelings. It happened so suddenly. I was in my hometown when I got the news. I felt like crying."

"Our house was destroyed. It was the closest to the explosion, just 50m away. Nothing could be saved."

Zaeimah and her family first sought shelter at the Putra Heights Mosque but due to overcrowding, they were redirected to Dewan Camelia.

"The village head told us to stay

here until we received further instructions. If this centre closes, we may be relocated to a hotel at the government's expense," she said.

Nurul Fatin Minhat, 32, a mother of one who had just arrived at the temporary relief centre, told the *New Straits Times* they were provided with a tent and basic essentials such as mats, mattresses and blankets.

"So far, everything is sufficient," she said.

Although her house was not damaged, her car suffered severe heat damage.

"We saw the flames. The heat was extreme but thankfully, we managed to escape," she said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MANGSA TERUS TERIMA BANTUAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 APR 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Mangsa terus terima bantuan

Kuala Lumpur: Penduduk terjejas insiden letupan paip gas bawah tanah yang mengakibatkan kebakaran besar di Putra Heights, di sini pada Selasa lalu, terus menerima bantuan disalurkan pelbagai pihak.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen menawarkan khidmat penggantian dokumen berkaitan secara percuma, manakala Majlis Amanah Rakyat (MARA) membenarkan peminjamnya yang terabit menanggungkan bayaran pinjaman.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke pada sidang media selepas menziarahi mangsa kejadian di pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights semalam, berkata JPJ akan membuka kaunter bergerak di PPS berkenaan.

“Kaunter bergerak itu menyediakan khidmat penggantian dokumen berkaitan yang musnah atau hilang akibat kejadian itu, termasuk lesen memandu, Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Sijil Pemilihan Kenderaan (VOC) untuk memudahkan mangsa berurusan membuat tuntutan insurans.

“Tiada laporan polis diperlukan untuk mendapatkan perkhidmatan berkenaan, mangsa hanya perlu beri nama dan nombor

kad pengenalan untuk mencetak semula semua dokumen secara percuma, bermula hari ini (semalam) hingga esok (hari ini).

“Perkhidmatan ini akan dilanjutkan jika perlu,” katanya turut memaklumkan bahawa syarikat penjualan kereta, Carro juga bersetuju menyumbang 30 kenderaan bagi kegunaan sementara mangsa insiden berkenaan secara percuma.

Pihaknya juga sedang mengusahakan perbincangan bersama pihak berkaitan untuk menaja motosikal percuma kepada lebih 70 mangsa, manakala pengasas Kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan menyediakan RM3,000 untuk disumbangkan kepada setiap keluarga mangsa.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah ketika ditemui media di lokasi sama, berkata perkhidmatan termasuk penggantian dokumen pengenalan diri secara percuma disediakan menerusi Bas MEKAR dan van bergerak ditempatkan di PPS.

Katanya, mangsa boleh menggantikan kad pengenalan, sijil lahir dan dokumen penting lain yang akan diberikan terus di PPS sejourus urusan dikendalikan kira-kira 30 pegawai dan kakitangan JPN yang bermula semalam itu selesai.

“Perkhidmatan ini percuma kerana ia diperlukan untuk mangsa mendapatkan pelbagai bantuan lain. Setakat hari ini (semalam), kita sudah terima dan selesaikan 19 gantian kad pengenalan dan 43 cabutan sijil kelahiran.

“Kerajaan dan agensi berkaitan sedang bertungkus-lumus membantu dalam apa-apa keadaan sekalipun,” katanya menambah Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut menyediakan kawalan keselamatan di kediaman yang terjejas.

Ganti pasport percuma

Di Putrajaya, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban dalam satu kenyataan semalam, berkata agensi itu menawarkan penggantian pasport Malaysia secara percuma kepada mangsa insiden.

“Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail telah mengarahkan penggantian percuma itu hari ini (semalam). Mangsa yang pasportnya hilang atau rosak boleh memohon ganti tanpa bayaran di mana-mana pejabat imigresen berdekatan,” katanya.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata, antara syarat penggantian pasport percuma adalah dokumen itu yang hilang atau



Shamsul Anuar melawat mangsa di PPS Masjid Putra Heights, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

rosak mestilah masih sah dengan tempoh sekurang-kurangnya enam bulan dan pemohon perlu membawa pasport asal jika masih ada.

“Syarat lain termasuk menyerahkan salinan laporan polis, bomba atau pihak berkuasa tempatan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dalam hantaran di Facebook, memaklumkan agensi itu

menawarkan penangguhan atau moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan kepada peminjamnya yang terlibat dalam insiden berkenaan.

“MARA tawarkan moratorium kepada mangsa kebakaran Putra Heights sehingga enam bulan. Moga dapat kurangkan bebanan musibah,” katanya namun tidak berkongsi jumlah sebenar peminjam MARA yang terjejas akibat insiden itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENDUDUK MASIH TRAUMA, BELUM SEDIA PULANG

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 4 APR 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Penduduk masih trauma, belum sedia pulang

Rumah yang ditinggal dalam keadaan tergesa-gesa berselerak manakala bahagian luar dipenuhi abu

KUALA LUMPUR: Trauma dan keadaan rumah yang ditinggalkan dalam keadaan tergesa-gesa semasa insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, Selasa lepas menyebabkan segelintir penduduk terjejas belum bersedia pulang meskipun diberi keizinan semalam.

Mangsa terlibat, Sarah Amira Ahmad Idris, 28, berkata, beliau mewakili keluarganya untuk memantau keadaan rumah mereka di Jalan 1/3B selepas dimaklumkan bekalan elektrik akan disambung semula semalam.

Beliau berkata, kediaman

“Perasaan masa mula-mula masuk rumah memang pening sebab bau kan, lauk raya pertama memang ada lagi atas meja tambah lagi dengan makanan dalam peti ais yang tiada elektrik sejak dua hari lepas.”

Sarah Amira Ahmad Idris
Mangsa

keluarganya tidak mengalami kerosakan serius, namun bahagian luar dipenuhi abu manakala di dalam rumah pula berselerak, menyebabkan mereka sekeluarga belum bersedia secara mental untuk

kembali menetap.

“Perasaan masa mula-mula masuk rumah memang pening sebab bau kan, lauk raya pertama memang ada lagi atas meja tambah lagi dengan makanan dalam peti

ais yang tiada elektrik sejak dua hari lepas.

“Kami memang beli banyak barang mentah sebab nak buat rumah terbuka hujung minggu ini, tetapi kesemua hasrat itu sudah tiada,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di lokasi kejadian.

Sarah Amira berkata, dengan infrastruktur yang sudah hancur dan jalan masuk yang dikawal ketat, bapanya memutuskan untuk terus tinggal di rumah sewa abangnya di USJ1, Subang Jaya buat sementara waktu.

Seorang lagi penduduk terkesan, Dr Haslina Rusdi, 52, berkata beliau sekeluarga turut memilih untuk tidak

pulang ke rumah ketika ini.

“Saya sepatutnya sudah mula bekerja esok (hari ini), tetapi disebabkan kejadian ini, belum fikir lagi macam mana. Masa kejadian memang keluar sehelai spinggang bersama dua anak dan tiga kucing selepas saya dengar gegaran di pintu depan dan belakang rumah kira-kira 8.08 pagi.

“Kami sempat memandu keluar dari kawasan perumahan pada 8.15 pagi selepas anak saya yang berada di tingkat atas menjerit ada api yang sangat tinggi tidak jauh dari rumah,” katanya yang juga seorang doktor perubatan.

Dr Haslina berkata, beliau

merupakan antara penduduk yang dijadualkan masuk ke kawasan rumah dalam fasa ketiga dan kini sedang menunggu giliran menaiki trak polis untuk tujuan itu.

Terdahulu, Pegawai Daerah Petaling Huzunul Khaidil Mohammed berkata, sekiranya pendawaian 115 buah rumah yang terjejas berada dalam keadaan baik, bekalan elektrik akan disambung semula.

Beliau turut memaklumkan bahawa hanya kediaman yang disahkan selamat melalui pemeriksaan inventori akan dibenarkan untuk diduduki semula oleh pemiliknya. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Letupan paip gas Putra Heights: Bantuan kewangan disalurkan Isnin depan

Noor Hidayah Tanzil
hidayah.tanzil@hmetro.com.my



AMIRUDIN ketika sidang media mengenal perkembangan berkaitan kejadian kebakaran saluran paip gas yang berlaku di Putra Heights. FOTO Bernama

Shah Alam: Bantuan sebanyak RM5,000 akan disalurkan kepada pemilik rumah yang rosak akibat insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, manakala RM2,500 diberi kepada mangsa yang terkesan, dan akan disalurkan bermula Isnin depan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, untuk proses tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri akan melengkapkan data jumlah penduduk yang benar-benar terjejas susulan insiden berkenaan.

Menurutnya, ia bagi memastikan tidak timbul sebarang isu termasuk ada pihak yang mengambil kesempatan atau mereka yang tertinggal dalam menerima sokongan dan bantuan yang ditetapkan, terutama di Taman Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru.

"Kita akan memurnikan data berkenaan yang diketuai oleh unit bencana daerah atau pegawai daerah sebagai ketua unit bencana daerah, dan bekerjasama dengan JKM, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) serta Petronas untuk memulakan proses penyaluran bantuan, sama ada RM2,500 atau RM5,000 yang diumumkan Perdana Menteri.

"Jadi, dalam masa beberapa hari, proses itu akan dimulakan dan penyampaian akan dimulakan pada Isnin (depan). Kita akan membuat pengumuman rasmi dalam masa terdekat," katanya pada sidang media di bangunan SUK Selangor, di sini, hari ini.

Beliau berkata, menjelang akhir minggu ini, Kerajaan Negeri akan menentukan solusi yang lebih mampan dan selesa untuk menempatkan penduduk yang belum dapat kembali ke rumah masing-masing selepas mengkaji tawaran daripada Petronas.

Katanya, pihaknya turut dihubungi oleh syarikat seperti Airbnb yang menawarkan solusi penempatan sementara waktu tanpa caj kepada penduduk sebelum penempatan jangka masa panjang dapat ditentukan.

"Kesemua opsyen ini akan dipertimbangkan dan ditentukan dalam masa terdekat, sementara memberikan ruang sepenuhnya untuk siasatan terperinci berjalan dengan telus," katanya.

Menurut Amirudin, beliau juga akan berjumpa dengan wakil daripada pihak terbabit seperti ICU dan Petronas untuk melihat fasa kedua bantuan selepas bantuan awal diselesaikan, iaitu dari segi penempatan sementara, namun lokasinya belum dimuktamadkan.

"Ada beberapa formula yang akan kita bincangkan dan muktamadkan. Kita akan maklumkan tentang proses itu pada Ahad atau Isnin supaya kita dapat melaksanakan sokongan dengan lebih baik di samping menjunjung titah Raja Muda Selangor (Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah) supaya kita dapat menyediakan penempatan yang lebih selesa.

"Justeru, kita memerlukan lagi satu minggu lebih kurang untuk mereka tinggal di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), sementara kita dapat memberikan sokongan dan kebajikan kepada yang terbabit," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, mulai hari ini pihaknya juga akan mula mengenakan beberapa langkah kawalan terhadap beberapa lokaliti terutamanya di PPS kerana berlaku kesesakan melampau.

"Kita mendapati terdapat kesesakan yang agak melampau di kalangan pelawat, saudara mara, rakan, dan badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya.

"Justeru, pihak JKM akan melakukan kawalan dengan menyediakan tempat pertemuan, tetapi demi menjaga faktor keselamatan, kesihatan, dan privasi kepada mangsa, tempat itu akan dihadkan kepada individu tertentu saja untuk melawat dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Kerajaan Negeri juga menerima tawaran pinjaman kenderaan daripada syarikat seperti Chery, Carro, dan Carsome untuk penduduk terjejas.

Selain itu, Yayasan Islam Darul Ehsan pula akan membantu pelajar sekolah daripada keluarga yang terkesan, termasuk perjalanan pergi dan pulang ke sekolah.

Disiarkan pada: April 3, 2025 @ 6:01pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak 12 tahun cedera diragut di Putrajaya

🕒 03 April 2025, 6:25pm



PUTRAJAYA: Kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun cedera di bahagian dagu apabila diragut di sebuah apartmen di Presint 11 di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Aidi Sham Mohamed berkata, dalam kejadian pada jam 9.46 pagi itu, mangsa yang berada di rumah bersama ahli keluarganya didatangi seorang lelaki yang mengetuk pintu rumah dan bertanya ada bekalan air atau tidak.

“Suspek kemudian berpura-pura meminta mangsa menyambungkan paip getah ke bilik air dan mengisi air ke dalam tong berwarna putih.

“Sebaik sahaja mangsa menyerahkan tong air berkenaan, suspek tiba-tiba menarik rambutnya dan meragut rantai emas di leher sebelum melarikan diri. Kerugian dianggarkan RM5,530,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Aidi Sham berkata, kejadian itu turut disaksikan bapa mangsa yang bekerja sebagai pegawai penyidik melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) rumah mereka.

“Rakaman CCTV mendapati suspek memakai jaket berwarna hijau, berseluar hitam, bertopi hitam serta memakai penutup mulut.

“Mangsa mengalami kecederaan di bahagian dagu dan telah mendapatkan rawatan di hospital,” katanya.

Beliau berkata, usaha mengesan suspek sedang giat dijalankan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan,” katanya.